

IKHTILAT MENURUT AL-QURAN DAN KESANNYA TERHADAP PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA MASA KINI

**Phayilah Yama, Siti Norasiah Mohd Hilmi, Siti Azwani Che Omar,
Suriani Sudi**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Ikhtilat dalam bahasa arab berasal daripada perkataan khatala bermaksud bercampur. Manakala dari segi istilah pula adalah percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Marcapada kini, kemajuan teknologi yang semakin canggih menjadikan peribadi akhlak remaja tersasar dari landasan Islam yang semakin merisaukan. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengetahui teknik-teknik ikhtilat yang telah digariskan di dalam al-Quran sebagai penduan kehidupan remaja masa kini. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengumpul maklumat melalui metode keperpustakaan dan dokumentasi. Setelah dianalisis secara kritis, hasil kajian menunjukkan bahawa dalam menafsirkan ayat al-Quran mengenai ikhtilat dalam tafsir Ibnu Kathir dan tafsir al-Azhar, penulis menunjukkan bahawa kedua-dua ulamak meletakkan beberapa garis panduan dalam menjaga hubungan antara mahram dan bukan mahram iaitu pergaulan mestilah menurut syariat Islam, pergaulan untuk menjaga silaturrahim, pergaulan dengan orang-orang soleh dan pergaulan mestilah tanpa niat zina. Pada masa yang sama, penulis juga mengemukakan cadangan kajian supaya pengkaji yang lain meluaskan lagi skop kitab tafsir yang lain untuk mengetahui perbezaan analisis ayat al-Qurannya dalam konsep ikhtilat. Konklusinya, ikhtilat sangat memainkan peranan yang penting demi menjaga keperibadian seseorang Muslim kerana cerminan diri seseorang individu itu bermula dengan akhlak yang mulia.

Kata kunci: Ikhtilat, Al-Quran, , Akhlak, Remaja

1.0 PENDAHULUAN

Era globalisasi kini, remaja tidak akan terlepas daripada masalah gejala sosial seperti pergaulan bebas akibat daripada pengabaian ikhtilat. Hal ini demikian, akan menakutkan para ibu bapa dan masyarakat kerana ia mampu memberi kesan yang negatif terhadap kehidupan anak-anak mereka pada masa hadapan kelak. Asasya, ikhtilat berasal daripada perkataan Arab *khatala* iaitu bercampur sesuatu dengan yang lain maka terhasillah pergaulan. Perkataan pergaulan dalam kamus Dewan (2010) memberi maksud percampuran antara yang lain. Ikhtilat adalah sesuatu perkara yang amat dijaga dalam Islam yang membawa maksud percampuran. Menurut istilah pula ia membawa maksud pertemuan antara lelaki dan perempuan (yang bukan mahram) di suatu tempat secara bercampur yang membawa kepada interaksi antara lelaki dan perempuan itu seperti perbualan, bersentuhan atau yang berkaitan dengannya.

Manakala menurut pandangan Islam berkaitan ikhtilat pula, Dr. Abdul Karim Zaidan mendefinisikan ikhtilat sebagai perjumpaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat yang sama yang membawa kepada saling bertemu, melihat dan bercakap antara satu sama lain (Adnan, Fauzi, Abd Kadir, Goje Zohdi, Zamri, 2013). Pada tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan, masyarakat yang hidup di zaman era masa ini, apabila disebut tentang ikhtilat, mereka beranggapan ianya haram. Dalam jurnal Ikhtilat Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis (2011) menyatakan ikhtilat ini dibolehkan dalam Islam bahkan wajar untuk lelaki dan wanita itu berikhtilat tetapi mestilah dengan memelihara

adab-adab dan akhlak yang telah ditetapkan oleh syarak. M.shiddiq al-Jawi menyatakan ikhtilat ini adalah satu perbuatan yang berbahaya, kerana membawa kepada kemaksiatan yang boleh meruntuhkan akhlak, seperti terjadinya perzinaan, pembuangan bayi, anak tidak sah taraf, rogol, masalah seksual, dan sebagainya. (Husin Bin Junoh, 2011).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat ayat-ayat al-Quran berkaitan ikhtilat yang disebut di dalam al-Quran seterusnya melihat kesan kehidupan terhadap remaja akibat daripada pengabaian ikhtilat. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif. Penulis telah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu penyelidikan perpustakaan, penyelidikan dokumentasi bagi mendapatkan maklumat untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran. Setelah data dikumpul penulis menganalisis data dengan menggunakan metode induktif dimana penulis akan membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap kajian ini secara umum. Analisis yang kedua pula, metode deduktif. Proses ini akan memperlihatkan kepada penulis terhadap analisis data melalui pola berfikir berdasarkan dalil-dalil yang umum kepada hal-hal yang khusus serta mengambil teori atau gagasan pemikiran yang sedia ada dalam mengenalpasti fenomena sebenar yang berlaku. (Ghazali Darussalam, 2016).

3.0 JENIS-JENIS IKHTILAT DALAM ISLAM

Dalam Islam terdapat dua jenis ikhtilat. Pertama ikhtilat yang dibolehkan dalam Islam, yang mana ia akan bergantung kepada keadaan yang tertentu dan akan mendatangkan impak yang positif dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ikhtilat yang kedua ialah ikhtilat yang tidak dibolehkan kerana ia akan membawa kepada perbuatan yang mungkar. (Dasuqhi, 2011).

Iman Nawawi ada mengatakan ikhtilat ini dikecualikan dari hukum jika dalam keadaan darurat seperti jika seorang lelaki ajnabi itu mendapati seorang wanita bersendirian di jalan tiada sesiapa yang menemani takut terjadi apa-apa, maka padsa ketika itu wajib ikhtilat tanpa khilaf. Demikian ikhtilat juga diharuskan berserta hajat seperti ingin melakukan amar ma'ruf nahi mungkar, ketika melayan tetamu, ketika berada dalam kenderaan awam serta semasa bekerja atau belajar tetapi mesti mengikut syarat dan prinsip yang telah ditetapkan syarak:

1) Darurat

- Semasa Menguruskan Harta

Pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam hal-hal yang mempunyai tujuan seperti jualbeli dan aktiviti lain dibolehkan atas kerana aktiviti seperti itu memerlukan kepada interaksi di antara dua pihak sebelum berlaku akad. Pergaulan semasa urusan harta juga dibolehkan dengan menjaga syarat-syarat yang telah disyariat oleh Islam seperti berpakaian menutup aurat, menundukkan pandangan serta bercakap dengan percakapan yang biasa-biasa sahaja.

- Semasa Menjadi Saksi

Perempuan dan lelaki boleh bergaul semasa menjadi saksi, dimana telah ditetapkan oleh syariat, yang mana wanita tersebut perlu menjadi saksi seperti kes harta pusaka.

2) Harus

Pergaulan antara lelaki dan perempuan yang tiada ikatan dengan hajat atau keperluan adalah dibolehkan dalam Islam:

- Semasa Bekerja

Semasa bekerja, sudah kebiasaan berlakunya interaksi antara lelaki dan perempuan. Perkara ini dibolehkan dengan syarat kedua-duanya menjaga batas-batas yang telah Islam tetapkan seperti berpakaian sopan dan menutup aurat, percakapan yang tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh menaikkan nafsu syahwat dan unsur-unsur fitnah.

- Semasa Dalam Kenderaan Awam

Pergaulan dalam kenderaan awam dibenarkan atas sebab keperluan yang mendesak. Namun ia juga berpandukan terhadap syarak, yang mana tujuan perempuan itu keluar bukan atas sebab untuk berfoya-foya. Jika ia bertujuan untuk bekerja dan seangkatan dengannya, ia dibolehkan.

- Semasa Menuntut Ilmu

Dalam menuntut ilmu, seharusnya digalakan berlakunya pergaulan kerana ia memberi banyak faedah. Pendapat lelaki dan wanita dalam sesi menuntut ilmu amat diperlukan kerana para wanita dan lelaki, mereka mempunyai pendapat yang berbeza. Hal ini demikian dapat membolehkan seseorang itu berkongsi apa yang beliau ada dengan orang lain. (Faizal Mohamad. Mohd Zaki, 2014)

4.0 ANALISIS AYAT-AYAT AL-QURAN BERKAITAN IKHTILAT

Pergaulan Menurut Syariat Islam

1) Surah al-Imran ayat 104:

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta **milarang daripada segala yang salah (buruk dan keji)** dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ibnu Kathir mentafsiran ayat sebagai penjelasan tentang tanggungjawab umat manusia terhadap kebijakan, mangajak melakukan ma'ruf dan meninggalkan kemungkaran kerana orang-orang yang berbuat demikian adalah seorang yang beruntung. (Abdullah, 2003). Manakala, Hamka menafsirkan ayat ini sebagai kepentingan dakwah. Terdapat dua kepentingan dalam ayat ini iaitu menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah perbuatan mungkar. Hal ini kerana perbuatan ma'ruf adalah perbuatan yang disukai dan disokong okeh masyarakat, manakala perbuatan mungkar itu pula perbuatan yang ditolak oleh masyarakat kerana perbuatan itu tidak patut berlaku. Justeru itu, seharusnya wujud satu golongan masyarakat yang menggerakkan orang ramai melakukan ma'ruf dan menjauhi masyarakat dari kemungkaran supaya nilai dalam diri mereka tinggi. Ini kerana perlu kita ketahui bahawa mengajak kepada kebaikan dan meninggalkan kemungkaran itu adalah dakwah. Dengan adanya umat Islam melakukan dakwah ini, ia dapat menghidupkan lagi agama Islam. (Abdul Malik, 2007).

Pergaulan Dengan Niat Menjaga Hubungan Silaturrahim

2) Surah al-Nisa' ayat 1

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (**bermula**) dari diri yang satu (**Adam**) dan yang menjadikan daripada (**Adam**) itu pasangannya (**Isterinya Hawa**) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertakwalah kepada **Allah** yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Menurut Ibnu Kathir, ayat ini diturunkan supaya umat manusia tahu tentang perintah Allah kepada mereka supaya bertakwa kepada penciptaNya. Manusia dicipta dari jiwa yang satu iaitu Adam dan daripada Adam lahirnya Hawa sebagai pasangan. Munculnya kasih sayang antara Adam dan Hawa sehingga lahirnya umat manusia semesta alam, yang terdiri daripada laki-laki dan wanita yang berbeza golongan, sifat, warna, bangsa dan lain-lain. Demikian, walaupun berbeza sifat, bangsa, warna kulit dan sebagainya, harus diingatkan bahawa mereka semua dicipta dari satu manusia sahaja dan dicipta satu manusia itu dari satu pencipta sahaja iaitu Allah Taala, yang mana sentiasa mengawasi kita tidak kira dimana kita berada meskipun kita sembunyi, Dia tetap dapat melihatnya. (Abdullah, 2003).

3) Surah al-Nahl ayat 90:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan **milarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman**. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Ayat ini ditafsirkan oleh Ibnu Kathir sebagai perintah Allah kepada hamba-hambaNya supaya berbuat adil, iaitu melakukan sesuatu dengan seimbang serta berbuat baik dan memjaga hubungan sillaturrahim dengan membantu orang yang memerlukan pertolongan, lebih-lebih lagi ahli keluarga sendiri. Allah juga milarang kita untuk melakukan sesuatu perkara yang haram seperti memutuskan sillaturrahim. (Abdullah, 2003).

Hamka pula memberi tajuk tiga perintah larangan kepada ayat ini. Larangan pertama ialah jalan adil, iaitu menimbang sama berat, benda yang salah tetap salah, benda yang benar tetap benar, memberi hak kepada orang yang sepatutnya dan tidak melakukan kezaliman. Selama mana keadilan itu ada dalam diri masyarakat, pergaulan antara masyarakat akan aman sentosa, sifat saling mempercayai dititik beratkan dan tetap menjaga amanat yang dimiliki. Larangan kedua ialah berbuat ihsan. Ihsan mempunyai dua maksud iaitu pertama mempertingkatkan mutu amalan Maksud ihsan kedua berbuat baik kepada sesama makhluk iaitu berbuat lebih baik daripada keadilan. Memberi sesuatu yang lebih pada pekerjaan yang mereka lakukan. Contohnya membayar upah kepada seseorang melakukan pekerjaan. Seterusnya larangan ketiga ialah memberi kepada keluarga terdekat iaitu berkaitan ihsan. Kita mestilah berbuat ihsan kepada keluarga terdekat terlebih dahulu sebelum berbuat ihsan kepada orang lain, sebabnya walaupun keluarga kita dari ibubapa yang sama dengan kita, tidak semestinya nasib pun kita sama. Allah memberi perintah dan larangan itu adalah untuk ingatan kepada diri kita sendiri. Tiada kebaikan yang baik selain dari peringatan yang Allah berikan. Kesimpulannya, pentafsiran Ibnu Kathir terhadap ayat ini lebih kepada perintah supaya berbuat adil serta menjaga hubungan sillaturrahim sesama Islam. Tetapi Hamka meletakkan tajuk pada ayat ini sebagai tiga perintah larangan iaitu adil, berbuat ihsan dan mendahului keluarga terdekat. Walaupun berbeza dari segi tajuk, ulasan yang

digunakan dalam kedua tafsir ini hampir sama kerana ia berkait dengan keadaan yang membicarakan tentang perhubungan antara satu sama lain. (Abdul Malik, 2007).

Penciptaan Manusia Yang Beraneka Ragam

Surah al-Hujurat ayat: 13

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah **menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)**. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Dijelaskan oleh Ibnu Kathir bahawa umat manusia dicipta oleh Allah dari satu jiwa dan mereka dicipta berpasang-pasangan seperti Adam dan Hawa. Dijadikan mereka berbangsa-bangsa atau suku kaum yang berbeza. Yang membezakan mereka adalah ketaatan dan kepatuhan mereka kepada Allah serta mengingati antara satu sama lain. Ketakwaan mereka adalah perbezaan yang paling ketara di sisi Allah, bukan keturunan. Allah maha mengetahui segala sesuatu urusan kita dan Allah maha mengetahui kepada sesiapa pun yang Dia kehendaki untuk memberi ujian dan memberi siksaan. Bertakwalah kerana takwa itu yang membezakan kita disisi Allah kelak. (Abdullah, 2003).

Hamka dalam menafsirkan ayat al-Hujurat ini, menegaskan bahawa ketakwaan itu perlu dijaga walau apa masalah sekali yang datang. Kadang-kadang ujian orang bertakwa ini berat, tetapi walau bagaimana berat pun ujian yang mereka hadapi, mereka tetap tegakkan ketakwaan mereka terhadap Allah Taala, sebagaiman yang dilakukan oleh Ka'ab bin Malik dan dua sahabatnya. Sebagai orang yang beriman, hendakkah mereka mempertahankan takwa mereka walaupun perlu menempuh penderitaan dan perlu mempercayai bahawa Allah sentiasa bersama dengan orang-orang berjuang menegakkan ketakwaan mereka. Dapat disimpulkan daripada kedua-dua pentafsiran ini, pentafsiran Ibnu Kathir terhadap ayat ini sebagai penciptaan umat manusia dari satu jiwa yang membawa kepada satu tujuan iaitu bertakwa kepada Allah, sama dengan Hamka yang menyatakan supaya menjaga ketakwaan walau apa jua yang berlaku. Kedua-dua tafsiran ini sama pada ayat ini kerana menyatakan tentang ketakwaan, yang mana sangat penting dalam kehidupan seharian kita. (Abdul Malik, 2007).

5.0 KESAN PENGABAIAN IKHTILAT DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA

Ikhtilat adalah satu perkara yang amat penting dalam kehidupan seharian kita. Apabila masyarakat pada zaman era globalisasi ini mentakrifkan ikhtilat sebagai sesuatu yang tidak penting, ia akan mengundang pelbagai masalah yang negatif, malahan bukan sahaja terhadap diri sendiri bahkan terhadap keluarga juga. Disebabkan berlakunya pengabaian ikhtilat, akan terjadinya pergaulan bebas yang mana akan mengundang seribu satu kesan terhadap individu berkenaan. Pergaulan bebas adalah perkara yang amat ditakuti pada zaman kini, kerana ia boleh membawa kepada kerosakan yang besar dalam kehidupan seharian kita. Pelbagai kesan buruk yang akan timbul disebabkan pergaulan bebas ini, antaranya:

i. Lari dari rumah

Masalah anak-anak lari dari rumah ini ada hubungkait dengan kepincangan dalam mengendalikan rumahtangga. Anak-anak yang membesar pada era dunia teknologi ini memerlukan perhatian yang lebih daripada ibubapa mereka. Hal ini kerana, mereka mudah terpengaruh dengan dunia sekarang, lebih-lebih lagi dengan rakan sebaya mereka di luar sana yang hanya memikirkan keseronokan sahaja. Demikian ini berlaku apabila mereka merasa terkongkong di rumah, dan ingin mendapatkan kebebasan atau sering dimarahi oleh ibubapa mereka. Masalah kemiskinan keluarga boleh menjadi satu sebab terjadinya kes lari dari rumah kerana mereka tidak sanggup hidup susah ataupun berlakunya pergaduhan ibubapa. Yang lebih ditakutkan lagi, apabila kes lari dari rumah ini terjadi disebabkan oleh pengaruh filem.

i. Penzinaan

Islam telah menggariskan tingkah laku membawa kepada penzinaan dan tingkah laku tersebut berlaku kesan daripada pengabaian ikhtilat yang dilakukan oleh masyarakat sekarang, yang mana tidak meletakkan ikhtilat sebagai sesuatu yang penting dalam kehidupan mereka. Apabila kita tidak menjaga ikhtilat atau pergaulan, hati kita akan menjadi menjadi keras, rosak dan semakin jauh dengan hidayat dan petunjuk Allah Taala, sebaliknya kita semakin gemar untuk melakukan perkara yang tercela seperti pergaulan bebas³⁹.

ii. Penyalahgunaan dadah

Penyalahgunaan dadah ini adalah masalah utama yang dihadapi oleh negara. Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar bagi mengatasi masalah ini dengan begitu ketara melanda rakyat Malaysia. Dadah ini merupakan satu bahan yang diambil oleh penggunanya pada masa mereka mengalami tekanan dan juga mereka yang mudah terpengaruh di luar sana, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak pandai memilih rakan sebaya. Mereka hanya tahu ingin berseronok tanpa memikirkan kesan negatif yang akan melanda diri dan keluarga mereka. (Abu Bakar, 2011).

6.0 KESIMPULAN

Ikhtilat ini merupakan suatu perlakuan yang akan memberi impak yang positif dalam kehidupan jika ia dijaga dengan baik. Ikhtilat atau pergaulan ini dibahagikan kepada dua iaitu pergaulan yang membawa kepada perkara kebaikan dan pergaulan yang negatif atau pergaulan bebas. Pergaulan bebas ini adalah pergaulan yang tidak memiliki batasan sehingga sesiapa yang terlibat akan melakukan perkara diluar batas. Pergaulan kearah positif mampu memberi tidakbalas yang baik kepada para remaja dan masyarakat. Sedangkan pergaulan bebas ini akan merugikan diri dan persekitaran kerana ia akan membawa kepada perkara-perkara yang buruk seperti penyalahgunaan dadah, penzinaan, lari rumah, pembuangan bayi dan banyak lagi kegiatan yang boleh menghuru-harakan kehidupan sehari mereka. Remaja yang terlibat dalam pergaulan bebas ini kebanyakannya disebabkan kekurang perhatian dari keluarga, kelemahan dalam memahami ajaran agama serta keinginan yang kuat terhadap sesuatu yang baru. Justeru itu, ibubapa harus bijak memainkan peranan mereka sebagai seorang pemegang amanah serta perlu meluangkan masa bersama anak-anak mereka supaya tidak tergolong dalam golongan yang berkelakuan negatif.

7.0 RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim
Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Bin Ishaq Al-Sheikh. 2003. *Kitab Tafsiran Ibnu Kathir*. Jilid 1-10. Cetakan kedua.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). 2007. *Kitab Tafsir Al-Azhar*. Jilid 1-10. Cetakan ketujuh. Pustaka Islamiyah Sdn.Bhd. 71 jln SG 3/10, Taman Sri Gombak, 68100, batu Caves, Selangor, Malaysia..
- Adnan Mohamed Yusoff, Mohd Fauzi Mohd Amin Abdul Qadir Umar Usman al- Hamidy, Kauthar abd Kadir Abdul Rahman Obeid Hussein, Kabiru Goje, MZohdi m Amin Noor Azma Mohamad Khassim, Zamrie Ibrahim @ Musa.
- Ghazali Darusalam. Sufean Hussin, (2016), *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Faizal Mohamad dan Mohd Zaki Ishak. 2014. *Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Abu Bakar Bin Shis. 2011. *Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian tinggi Yang Menetap Di Kolej Sembilan (K9), Kolej Sepuluh (K10), Dan Kolej Perdana (KP) Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Husin Bin Junoh. 2011. *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi Johor*. Jabatan Dakwah Dan Pembanguna Insan Akademik Pengajian Islam. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Dasuqhi Mohd Sirajuddin. 2011. *Ikhtilat Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis*. Jilid 6. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA

